# HELAIAN KETERANGAN PRODUK

## *IKHLAS* EDUCATION TAKAFUL.

**Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil "IKHLAS Education Takaful". Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.**

1. **Produk apakah ini?**
   Produk ini dikhaskan oleh kanak-kanak berumur 30 hari hingga 12 tahun . Produk ini memberi perlindungan ke atas kematian dan kehilangan upaya kekal peserta sebelum tempoh matang Sijil.

2. **Apakah konsep Syariah yang digunapakai?**

   **Tabarru'** –Peserta bersetuju mendermakan peratusan yang telah ditentukan daripada sumbangan kepada Dana Risiko untuk membantu peserta lain.

   **Wakalah** – Peserta memberi kebenaran kepada Takaful Ikhlas Sendirian Berhad untuk mewakili dirinya dalam mengendalikan urusan berkaitan Takaful seperti, menyediakan perlindungan atau membuat pelaburan bagi pihaknya. Konsep ini membolehkan penggunaan perantara bagi memenuhi kehendak pelanggan, pembayaran lebihan dan keuntungan yang lebih baik kepada peserta dan pengiraan keuntungan yang dikongsi secara teratur.

3. **Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?**

   Manfaat Kematian dan/atau Manfaat Keilatan kekal dan menyeluruh yang mana terdahulu, ke atas peserta dalam tempoh Sijil, manfaat perlindungan (SC) termasuk jumlah yang terkumpul dalam PIA akan dibayar kepada penama atau waris yang terdekat. Sekiranya berlaku kamatian peserta sebelum mencapai umur Lima (5) tahun pada tarikh harijadi berikutnya sumbangan akan dibayar adalah sepert berikut berdasarkan jadual berikut:-

| Age At Death/TPD | % of SC Payable |
|---|---|
| 1 Year | 20% |
| 2 Years | 40% |
| 3 Years | 60% |
| 4 Years | 80% |
| 5 Years & Above | 100% |

| Umur kematian (Harijadi Berikutnya) | Peratusan Jumlah Sumbangan Dibayar |
|---|---|
| 1 tahun | 20% |
| 2 tahun | 40% |
| 3 tahun | 60% |
| 4 tahun | 80% |
| 5 tahun dan keatas | 100% |

- Jumlah pembayaran sekali-gus bersamaan dengan jumlah yang terkumpul didalam PIA dan PRIA sebaik sahaja tempoh matang sijil.
- Apabila berlaku kematian atau keilatan dan menyeluruh kepada Pembayar semua sumbangan kehadapan akan dibayar melalui tabungan sehingga tarikh matang.
- Anugerah Kecemerlangan Akedemik

| Kategori Peperiksaan | Kriteria Minimum | Manfaat Dibayar |
|---|---|---|
| UPSR | 5A | RM100 |
| PMR | 7A | RM100 |
| SPM | 7A | RM100 |

**4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu dibayar?**

Jumlah sumbangan yang harus di bayar adalah berbeza bergantung kepada keperluan pengunderitan seperti umur, tempoh manfaat dan manfaat perlindungan yang dipohon. Contoh:

Manfaat Perlindungan : RM 30,000
Jantina : Perempuan
Umur : 1 tahun
Tempoh : 22
Sumbangan : RM 2,365.65 (Tahunan)

**5. Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar ?**

| Jenis | Tahun Pertama | Tahun Kedua | Tahun Ketiga | Tahun Keempat | Tahun Kelima | Tahun Keenam |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Yuran Wakalah** | 73% | 47% | 28.5% | 27.5% | 17.5% | 17.5% |

**6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu dikehtahui?**

- Pendedahan maklumat – adalah penting untuk mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti keadaan kesihatan

- Tempoh Khiyar – Anda boleh membatalkan sijil dengan mengembalikan sijil tersebut kepada pihak syarikat dalam tempoh 15 hari dari tarikh pengeluaran sijil tersebut. Sumbangan yang telah dibayar (selepas ditolak dengan jumlah perbelanjaan perubatan –sekiranya ada) akan dikembalikan.

**7. Apakah pengecualian utama yang terdapat di dalam sijil ini?**

- **PENGECUALIAN BAGI KEMATIAN**
  Tiada sebarang manfaat akan dibayar sekiranya berlaku kematian terhadapat Pemilik Sijil atau Peserta atau kedua-duanya jika kematian berpunda dari Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), Penyakit Berkaitan AIDS atau Penyakit melalui Jangkitan Seksual atau nyawa pemilik sijil dan/atau peserta atau kedua-duanya, diambil oleh pengurusan undang-undang atau bila pemilik sijil dan/atau peserta atau kedua-duanya mati akibat penglibatan diri dalam akta yang melanggar undang-undang dan/atau jenayah.

- **BUNUH DIRI**
  Sekiranya pemilik sijil atau peserta, samada waras atau tidak, membunuh diri, sijil akan terbatal dan Syarikat akan memulangkan baki dari PIA dan/atau PRIA.

**8. Bolehkah sijil ini dibatalkan?**
Ya boleh. Sekiranya pembatalan dibuat selepas 15 hari dari tempoh ehsan, sebarang jumlah di dalam PIA akan dipulangkan kepada anda.

**9. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?**
Sekiranya terdapat perubahan maklumat , sila maklumkan kepada kami jika terdapat pertukaran alamat bagi memastikan urusan surat-menyurat berjalan lancar.

**10. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga, sila kunjungi laman sesawang kami di www.takafulikhlas.com.my atau www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Takaful Ikhlas Sdn Bhd
4th Floor Bangunan Takaful Ikhlas
14 Jalan 19/1
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Telefon : 03-78011488

**11. Produk seumpama yang boleh didapati?**
Ikhlas Saving Takaful

**NOTA PENTING:**

**PENYERTAAN DI DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL YANG BENAR-BENAR BERSESUAIAN DENGAN KEHENDAK ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL INI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL ANDA ATAU BERHUBUNG TERUS DENGAN TAKAFUL IKHLAS SDN BHD UNTUK KETERANGAN LEBIH LANJUT.**